

Panduan Dasar Delta 8.7: Nota Konsep

Antara April 2020 dengan Mac 2021, Delta 8.7 akan menghimpunkan tiga kumpulan kerja pakar global bagi menghasilkan tiga 'Panduan Dasar'. Dasar ini akan menggantikan 'Gambaran Keseluruhan Tematik' semasa di www.delta87.org, dan akan merangkumi keadaan pengetahuan tentang langkah yang berkesan dalam bidang dasar yang berbeza untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 8.7.

Latar belakang – perihal Delta 8.7

[Delta 8.7](#) ialah Platform Pengetahuan Alliance 8.7, Delta 8.7. [Alliance 8.7](#) ialah perkongsian strategik global yang komited untuk mencapai Sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 8.7, iaitu matlamat yang semua Negara Ahli PBB komited untuk "mengambil langkah-langkah serta-merta dan berkesan bagi membasmi buruh paksa, dan menamatkan perhambaan moden dan pemerdagangan manusia serta menjamin larangan dan penyingkiran bentuk buruh kanak-kanak yang paling dahsyat dilaksanakan, termasuk pengambilan dan penggunaan kanak-kanak sebagai tentera, dan menjelang akhir 2025, menamatkan aktiviti buruh kanak-kanak dalam apa jua bentuk." Alliance 8.7 pada masa ini dipengerusikan oleh Perancis, dan Sekretariannya berpangkalan di Pertubuhan Buruh Antarabangsa

Alliance 8.7 berusaha mencapai Sasaran 8.7 dan Sasaran SDG 5.2, 16.2, 16.3 dan 16.a yang berkaitan menerusi penyelarasan usaha global, serantau dan negara, dan dengan memesatkan garis masa, berkongsi pengetahuan, memacu inovasi dan memanfaatkan sumber. Delta 8.7, berpangkalan di Pusat Penyelidikan Dasar Universiti Bangsa-bangsa Bersatu, ialah platform utama untuk usaha-usaha ini.

Sebagai Platform Pengetahuan Alliance 8.7, Delta 8.7 menghimpunkan data, bukti, penyelidikan dan berita yang paling berguna. Ia menyediakan tempat untuk menganalisis data yang canggih dan membantu orang ramai memahami data tersebut supaya data itu dapat diterjemahkan menjadi dasar yang berkesan. Delta 8.7 ialah platform pengetahuan global untuk meneroka langkah berkesan bagi membasmi buruh paksa, perhambaan moden, pemerdagangan manusia dan buruh kanak-kanak.

Fungsi Panduan Dasar Delta 8.7

Tujuan Panduan Dasar ini adalah untuk menyediakan penjelasan semasa yang amat berwibawa tentang apa yang kami tahu tentang gabungan dasar global dan negara yang perlu bagi memesatkan kemajuan ke arah Sasaran SDG 8.7, dalam format yang berguna untuk petindak dasar. Ia akan memberi petikan (snapshot) tentang 'langkah berkesan' demi Mencapai 8.7.

Kewibawaan tersebut akan diperoleh melalui: 1) penilaian bukti berdasarkan kewibawaan saintifiknya dan 2) proses yang digunakan untuk mengumpul, menilai dan menyarikan bukti ini.

Skop Panduan Dasar

Panduan Dasar ini akan menangani dasar yang berkisar tentang perhambaan moden, buruh paksa pemerdagangan manusia dan buruh kanak-kanak. Ia akan mengenal pasti dasar pelbagai hala dan nasional mana yang terbukti berfungsi untuk mencapai SDG 8.7.



Khalayak untuk Panduan Dasar ini, khususnya, penggubal dasar multilateral dan di peringkat negara. Kami bukan cuba untuk memerintah penggubal dasar tentang cara mereka sepatutnya menyusun untuk mencapai Sasaran 8.7 – kerana itu memerlukan pemahaman masalah khusus di setiap negara, sumber yang sedia ada untuk ditangani, dan faktor kontekstual. Sebaliknya kami sedang berusaha untuk menyediakan sumber dasar berasaskan bukti yang berguna meliputi pelbagai konteks, dan untuk petindak dasar di seluruh dunia, termasuk mereka yang memikirkan tentang rangka kerja dasar multilateral.

Panduan Dasar akan mengutamakan maklumat yang mempunyai asas saintifik yang rapi tentang langkah yang berkesan. Hasilnya kami menjangka bahawa panduan yang ditawarkan tidak akan berbentuk komprehensif tetapi definitif. Panduan ini akan bersifat menyeluruh dan mendalam dalam bidang yang buktinya komprehensif dan berwibawa; dalam bidang lain pula ia mungkin kurang menyeluruh dan lebih bersifat spekulatif. Ini walau bagaimanapun, akan membantu menyerlahkan bidang yang mempunyai bukti yang kukuh, dan bidang yang lebih kekurangan dari segi bukti.

Proses pertimbangan yang digunakan bagi merumuskan Panduan Dasar (dihuraikan lebih lanjut di bawah) direka supaya boleh ditiru. Ini bertujuan untuk merakam keadaan pengetahuan semasa yang menghasilkan langkah yang berkesan, dan membolehkan supaya edisi masa hadapan Panduan Dasar ini mencerminkan perubahan dalam keadaan pengetahuan yang mendasari perubahan ini.

Output

Akan terdapat tiga Panduan Dasar, masing-masing dijangka sekitar 10 hingga 15 halaman. Panduan dasar ini akan menangani tiga domain yang luas:

1. **Keadilan:** Panduan ini akan memberi tumpuan pada keadilan jenayah dan khidmat sokongan mangsa terselamat. Ini akan termasuk bahagian tentang peranan sektor klinikal dan kesihatan awam, di samping peranan petindak sektor awam berkenaan yang lain (seperti perkhidmatan kebajikan)
2. **Pasaran.** Ini akan termasuk bahagian tentang dasar perdagangan; peraturan pasaran pekerja; bantuan pembangunan; rantaian bekalan, aturan pemerolehan dan pendedahan; peraturan kewangan; dan apa-apa persoalan yang lebih luas tentang peraturan ekonomi.
3. **Krisis.** Ini akan memberi tumpuan pada konflik, situasi kemanusiaan, penghijrahan, pemindahan dan keadaan tanpa negara (statelessness).

Setiap Panduan Dasar akan mengenal pasti di mana terdapat persetujuan dan di mana terdapat percanggahan pendapat, di samping mengenal pasti bidang yang memerlukan penyelidikan lanjut atau percubaan dasar. Domain-domain ini, dan topik yang terkandung dalamnya, mungkin tertakluk pada perubahan berikutan semakan oleh Kumpulan Pemandu dan Kumpulan Kerja.

Bagaimanakah proses ini akan ditadbir?

Delta 8.7 ialah **penghimpun** bagi proses ini. Sebagai penghimpun, Delta 8.7 akan berfungsi sebagai sekretariat pusat untuk memproses, menugaskan semakan bukti latar belakang, mengatur perundingan dalam proses ini, menyediakan sokongan mendraf dan menyunting serta menerbitkan dokumen Panduan Dasar.

Delta 8.7 akan menghimpunkan sebuah **Kumpulan Pemandu** untuk proses ini. Kumpulan ini akan terdiri daripada para pemimpin kanan bidang SDG 8.7. Kumpulan Pemandu ini akan berjumpa dengan kerap sepanjang proses ini bagi menyediakan nasihat dan rujukan, dan memastikan integrirri dan kebergunaan produk akhir. Khidmat ini termasuklah membuat saranan kepada Delta 8.7 tentang keahlian Kumpulan Kerja.

Setiap **Kumpulan Kerja** akan dianggotai kira-kira 20-30 ahli. Ahli akan dipilih selepas panggilan pencalonan

terbuka dibuat. Pemilihan ahli dibuat mengikut gender, geografi, umur, keinstitusian, kumpulan pihak berkepentingan dan kepelbagaian bidang. Kami akan berusaha untuk menyertakan satu atau lebih suara mangsa terselamat dalam setiap proses perundingan Kumpulan Kerja, sama ada dengan menyertakan Ahli yang merupakan mangsa terselamat bagi Kumpulan Kerja berkenaan, atau menerusi perundingan yang disesuaikan mengikut keperluan.

Kumpulan Pemandu ini akan mengesyorkan seorang Pengerusi bagi setiap Kumpulan Kerja, yang akan disokong oleh Delta 8.7, dan yang akan mengawal apa yang ditulis untuk Panduan Dasar yang berkaitan. Pengerusi akan mengikut templat lazim bagi memastikan Panduan Dasar boleh dibandingkan merentas bidang, dan berkemungkinan akan menugaskan usaha mendraf bahagian-bahagian ini kepada ahli-ahli Kumpulan Kerja.

Bagaimanakah Panduan Dasar ini akan didraf?

Proses mendraf untuk Panduan Dasar dibuat dengan mencontohi proses antarabangsa berkaitan yang lain dengan gabungan pelbagai sumber kepakaran untuk mencapai persetujuan tentang pilihan dasar, seperti Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim. Bahagian berikut menggariskan garis masa dan langkah-langkah penting untuk mendraf panduan ini.

Langkah Pertama – Formation of Steering Group and initial consultation on Concept Note

Apa: Delta 8.7 akan menghimpunkan Kumpulan Pemandu bagi memandu proses Panduan Dasar ini dan memastikan integriti, hubungan kaitan dan impak.

Yang Terlibat: Pemimpin kanan bidang SDG 8.7.

Garis Masa: April 2020.

Langkah Kedua – Perundingan Awam tentang Proses, Panggilan untuk Pencalonan dan Penyerahan

Apa: Bukti urun daya (*crowdsourcing*) dan penyertaan dalam proses ini.

Yang Terlibat: Perundingan ini akan berjalan menerusi www.delta87.org. Dengan menggunakan porta dalam talian, khalayak awam dijemput untuk: memberi komen tentang Nota Konsep; membuat penyerahan dalam Kumpulan Kerja draf; dan mencalonkan ahli Kumpulan Kerja.

Garis Masa: Telah diumumkan April/Mei 2020; tarikh tamat pencalonan Kumpulan Kerja - Mei; tarikh tamat penyerahan Julai

Langkah Ketiga – Pembentukan Kumpulan Kerja

Apa: Tiga Kumpulan Kerja pakar dibentuk untuk menghasilkan tiga 'Panduan Dasar'.

Yang Terlibat: Kumpulan Pemandu yang dirujuk tentang pemilihan Kumpulan Kerja dan Pengerusi.

Garis Masa: Mei 2020

Langkah Keempat – Semakan Sistematis bukti

Apa: Delta 8.7 akan bekerjasama dengan rakan penyelidikan untuk mengendalikan penyelidikan latar belakang sistematik.

Yang Terlibat: Delta 8.7 dan rakan penyelidikan

Garis Masa: April – Ogos 2020

Langkah Kelima – Penyerahan bukti Awam

Apa: Berikutan Langkah Dua, Delta 8.7 menerima dan menerbitkan penyerahan awam kepada Kumpulan Kerja.

Yang Terlibat: Delta 8.7 menganjurkan proses, menyediakan indeks, ringkasan penyerahan kepada



Kumpulan Kerja

Garis Masa: Mei – Ogos 2020

Langkah Keenam – Perjumpaan Kumpulan Kerja untuk merumuskan draf

Apa: Kumpulan Kerja bertemu secara maya, sehingga 3 kali, masing-masing untuk merumuskan draf Panduan Dasar. Mereka menggunakan prosedur pertimbangan lazim untuk mengenal pasti tahap keyakinan yang dikalibrasi dalam penemuan penyelidikan atau proskripsi dasar khusus.

Yang Terlibat: Pasukan Kerja, pasukan Delta 8.7

Garis Masa: September – Disember 2020

Langkah Ketujuh – Perundingan awam tentang draf Panduan Dasar

Apa: Perundingan awam dikendalikan menerusi www.delta87.org untuk membolehkan kritikan dan komen tentang draf Panduan ini

Yang Terlibat: Delta 8.7, khalayak awam

Garis Masa: Januari 2021

Langkah Kelapan – Semakan draf oleh Kumpulan Kerja

Tujuan: Sertajab maklum balas daripada perundingan awam

Yang Terlibat: Pasukan Kerja, pasukan Delta 8.7

Garis Masa: Februari 2021

Langkah Kesembilan – Semakan draf oleh Kumpulan Pemandu

Tujuan: Semakan terakhir draf oleh Kumpulan Pemandu untuk menyemak ketekalan, integriti dan kebergunaan.

Yang Terlibat: Kumpulan Pemandu

Garis Masa: Februari 2021

Langkah Kesepuluh – Terbitkan Panduan Dasar di www.delta87.org

Tujuan: Panduan Dasar diterbitkan

Yang Terlibat: Kumpulan Pemandu, Pasukan Kerja, pasukan Delta 8.7

Garis Masa: Mac 2021

Bahasa yang digunakan dalam mengusahakan proses ini ialah Bahasa Inggeris.

Untuk mengetahui lebih lanjut

Sila hubungi Saudari Angharad Smith, angharad.smith@unu.edu.

